

23 OCT 1998

Belanjawan-Terima kasih

DR MAHATHIR UCAP TERIMA KASIH KEPADA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi pihak kerajaan hari ini mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang menyumbang kepada Dana Khas Negara yang kini berjumlah RM34.8 juta kerana telah menunjukkan kesetiaan, rasa tanggungjawab dan patriotisme kepada negara.

Beliau berkata adalah lebih baik sekiranya semua rakyat mencontohi sikap patriotik individu terbabit bagi memastikan usaha-usaha pemulihan ekonomi yang dibuat kerajaan berjaya.

"Walaupun negara telah dimiskinkan, kita masih mempunyai kekuatan berdikari dan mempertahankan kedudukan kita bagi meneruskan perjuangan untuk merangsang semula pertumbuhan ekonomi," katanya ketika membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat.

Perdana Menteri turut mengucapkan terima kasih dan rasa penghargaan di atas sikap kesatuan-kesatuan sekerja yang memahami keadaan gawat yang dihadapi negara dan bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam menangani segala rintangan terhadap usaha memulihkan semula ekonomi.

Tidak seperti di negara-negara lain, pekerja Malaysia dan kesatuan-kesatuan mereka tidak sengaja membuat tuntutan yang keterlaluan pada masa ini walaupun mereka terpaksa menghadapi kesulitan dalam kehidupan harian, katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia yang patriotik tidak akan bersubhat dengan pedagang matawang, pelabur jangka pendek di bursa saham, agensi penarafan dan media Barat yang ingin memusnahkan ekonomi negara supaya negara ini terpaksa mengikut telunjuk mereka.

Rakyat Malaysia yang bersubhat dan meminta pertolongan daripada musuh-musuh negara ini tentulah telah mengkhianati negara, katanya.

Dr Mahathir turut mempersoalkan tindakan segelintir individu yang pergi ke negara-negara asing untuk memburukkan negara sendiri dan untuk mendapatkan sokongan daripada mereka yang menghina proses undang-undang dan kebebasan Malaysia.

Katanya amat malang juga kerana terdapat percubaan oleh segelintir rakyat negara ini untuk membuat pengadilan dengan mengadakan tunjuk perasaan dan rusuhan.

Perdana Menteri berkata pengadilan di Malaysia dibuat melalui proses penghakiman yang tertib serta teratur dan parti kerajaan dan pemimpinnya tidak terkecuali daripada didapati bersalah dan dihukum oleh mahkamah di Malaysia.

Pernah berlaku parti kerajaan diharamkan oleh mahkamah dan juga biasa berlaku pemimpin parti kerajaan dihukum penjara bahkan dihukum mati, sedangkan parti lawan memiliki hak istimewa apabila hukuman ke atas mereka diringkaskan supaya tidak kehilangan kerusi, katanya.

Katanya memandangkan betapa proses penghakiman di negara ini tidak mengenal bulu dan berpegang teguh kepada prinsip, sepatutnya semua pihak mencari penyelesaian terhadap apa-apa tuduhan melalui perbicaraan di mahkamah.

-- BERNAMA

NY AKD